

# Pengaruh program asing dikaji — PM

UM - 3 MAR 2000

KUALA LUMPUR 2 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan mengkaji sejauh mana kemasukan program-program asing menerusi stesen satelit Astro mempengaruhi rakyat negara ini.

Mengulas laporan muka depan *Utusan* hari ini, Dr. Mahathir meyakinkan yang kajian itu akan meliputi kesan penayangan tanpa tapisan rancangan luar negara itu terhadap nilai-nilai hidup masyarakat.

“Kerajaan kena kaji, tengok sama ada mempengaruhi rakyat Malaysia atau tidak.

“Yang (kesan kepada nilai-nilai hidup) itu kita kena kaji,” katanya selepas perasmian Seminar Pengurusan ASEAN di sini hari ini.

Seminar itu dianjurkan oleh Yayasan Ekonomi Kansai (Kankeiren) deng-

an kerjasama Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia (NCCIM), Persatuan bagi Overseas Technical Scholarship (AOTS) Jepun dan Pacific Resource Exchange Center (PREX).

*Utusan* hari ini menyiarkan laporan berhubung kebimbangan tokoh-tokoh masyarakat, karyawan dan budayawan tempatan bahawa penayangan banyak rancangan import di stesen itu akan mengakibatkan kesan buruk kepada hala tuju dan jati diri bangsa.

Mereka bimbang penyiaran program asing itu akan memberi kesan terhadap perpaduan kaum.

Stesen Astro menyediakan 28 saluran termasuk empat saluran berbahasa Cina iaitu Astro AEC, TVBS Asia, Phoenix dan Astro Wah Lai Toi serta satu saluran Tamil, Astro Vaanavil.